

SATU PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO DALAM PEMBANGUNAN
SISTEM AMARAN AWAL: KAJIAN KES DI TASIK CHINI

SITI NARIMAH BINTI JAMALI

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2018

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

2 Ogos 2018

SITI NARIMAH BINTI JAMALI

P65687

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian. Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya saya dapat menyiapkan tesis ini.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Mohamad Shanudin Zakaria selaku penyelia utama yang memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak terhingga serta berkongsi pelbagai ilmu yang bernilai kepada saya. Tidak ketinggalan juga pensyarah Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Prof. Madya Ir. Dr. Rosdiadee bin Nordin yang banyak mengajar saya ilmu baru mengenai sistem pemantauan hidrologi dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem Kejuruteraan. Tidak lupa juga kepada pemeriksa dalam dan luar yang memberi komen untuk menghasilkan tesis yang terbaik.

Jutaan terima kasih kepada Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) yang diketuai oleh Prof. Dato' Sri Dr. Mushrifah Idris yang memberi kelulusan menjalankan kajian, kakitangan pengurusan terutamanya En. Shafiq, Cik Farzarul Hanim, En. Safa dan kakitangan sokongan lain yang tidak dapat disebut namanya satu persatu serta Masyarakat Orang Asli Tasik Chini yang sentiasa meluangkan masa untuk ditemu bual, sudi memberi bantuan dan menjawab sebarang soalan yang dikemukakan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Program MyBrain15 kerana membiayai yuran pengajian saya di peringkat Ijazah Sarjana ini. Teristimewa kepada bonda dan ayahanda, Azmi Binti Jamhari dan Jamali Bin Mustapa yang tidak jemu mendoakan anaknya, sentiasa memberi semangat dan menanggung wang hemat diri serta yuran penginapan saya. Begitu juga kepada Ahmad Maulana dan Siti Nabila adik-beradik saya yang memberi inspirasi ke arah kejayaan dan sentiasa memberi sokongan dari awal pengajian hingga akhir. Tidak dilupakan kepada Prof. Madya Dr. Norinsan Kamil Othman, Pengetua Kolej Dato' Onn yang membantu dari segi penginapan, sentiasa memotivasi diri ini dan banyak berkongsi nasihat dan pengalaman.

Tidak ketinggalan juga ribuan terima kasih kepada rakan penyelidik Sistem Maklumat Pengurusan, Rahmad, Rasyiqah, Diana, Fansuri, Najib dan Faiz serta rakan kolej penginapan, Maizatul Farisah, Asmaa, Rozaifis, Aiman, Jefri, Fitri, Umairah dan Dr. Haan yang sentiasa berkongsi pandangan, saling membantu, memberi kerjasama dan menyuntik semangat. Terima kasih tidak terhingga kepada semua nama yang dinyatakan dan yang membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung.

ABSTRAK

Pengurusan Risiko Teknologi Maklumat (PRTM) ialah penggunaan kaedah dalam pengurusan risiko untuk mengurus risiko Teknologi Maklumat (IT) iaitu risiko bisnes berkaitan dengan penggunaan, operasi, penglibatan dan pengaruh IT dalam organisasi. Tujuan kajian ini adalah untuk menangani beberapa isu pelaksanaan PRTM di Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini membantu PPTC untuk memperbaiki dan meningkatkan kesedaran pengurusan risiko melalui kejayaan penglibatan semua pekerja dalam kegiatan harian dan pembuatan keputusan. Kajian adalah berbentuk tinjauan yang dirancang mengguna kaedah soal selidik dan temu bual. Data dikumpulkan melalui soal selidik dan temu bual bersama kakitangan PPTC, masyarakat Orang Asli dan di lokasi stesen pengawasan sungai. Data yang telah dianalisis telah menghasilkan penemuan positif dan negatif. Pertama, ketiadaan pelan kerja pengurusan risiko dalam PPTC. Kedua, konsep pengurusan risiko kurang difahami oleh beberapa kakitangan PPTC. Ketiga, pusat penyelidikan perlu mempromosikan beberapa aspek polisi pengurusan risiko IT seperti membangunkan sistem pengurusan risiko khas atau model khas untuk pendaftaran risiko dan penyimpanan data. Penemuan positif boleh dikategorikan kepada dua perkara utama yang umum dan tidak terhad kepada IT. Pertama, pihak pengurusan tertinggi PPTC semakin berminat dalam melaksanakan pengurusan risiko yang lengkap untuk mencapai objektif pusat penyelidikan. Kedua, mereka yang bertanggungjawab untuk mengurus risiko telah merangka perancangan dan pelan tindakan yang diperlukan untuk mengurus risiko melalui pembinaan satu pelan tindakan khusus untuk pusat penyelidikan dan membentuk pelan tindakan sekiranya kualiti air di Tasik Chini tercemar berdasarkan pengalaman PPTC. Ini adalah bukti jelas bahawa PPTC mampu membangun dan bergantung kepada sumber sendiri untuk bergerak ke hadapan. Dapatan kajian ini digunakan juga dalam pembangunan prototaip sistem amaran awal kualiti air kepada kakitangan PPTC dan masyarakat Orang Asli yang menetap di sekitar Tasik Chini. Dapatan kajian ini hanya cukup untuk mengenal pasti status pelaksanaan pengurusan risiko PPTC. Penyelidikan lanjut dan kajian masa depan dalam bidang pengurusan risiko adalah penting untuk menyediakan pusat penyelidikan dengan strategi paling terkini dan berkesan bagi mengatasi dan mengurangkan semua risiko yang berpotensi. Sumbangan utama kajian ini adalah membentuk garis panduan yang jelas dan menyeluruh untuk pengurusan risiko kualiti air Tasik Chini dan pengurusan pusat penyelidikan.

A RISK MANAGEMENT APPROACH TO THE DEVELOPMENT OF AN EARLY WARNING SYSTEM : A CASE FOR TASIK CHINI

ABSTRACT

IT Risk Management is the application of risk management methods to information technology in order to manage IT risk. The business risk associated with the use, ownership, operation, involvement, influence and adoption of IT within an enterprise or organization. The purpose of this research is to overcome the issue in implementing the IT Risk Management at Tasik Chini Research Centre (PPTC), Universiti Kebangsaan Malaysia. This research aimed to enhance the risk management awareness by promoting active involvement of the workers in the daily affairs and the decision-making process. This research used both quantitative and qualitative methods. Data was collected by interviewing the community living at the edge of the lake as well as collecting on-site at the rivers's monitoring station. Data analysed showed both negative and positive feedback findings. The negative feedback include no framework of IT risk management at PPTC, lack of understanding in IT risk management concept among the PPTC staffs, and the need to promote a few aspects of the risk management policy, for instance, by introducing the development of risk management system or a customized model to register risk and data collection. The positive side could be categorized into two main basic points and it was not limited to IT solely. They include the interest shown by PPTC top managements in implementing the full IT risk management in order to achieve the objectives of research centre and all staffs who were part of the risk management team had came up with the working plans needed to manage the risks. They build a specific framework for the research centre itself and another framework as a means of preparation when the water quality of Tasik Chini is compromised. The results were also used in the development of the early warning system in water quality prototype as an early warning to the PPTC staffs and Orang Asli living in the vicinity of Tasik Chini. The results of this research were limited to recognising the implementation status in IT risk management at the PPTC. Further research in total risk management is important to prepare the research centre with the latest strategy in order to overcome and reduce all the potential risks. This research provide a clear guideline to manage the risk of water quality in Tasik Chini as well as in managing the research centre itself.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI ILUSTRASI		xi
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Organisasi Tesis	8
1.8	Kesimpulan	8
BAB II	KAJIAN LITERASI	
2.1	Pengenalan	9
2.2	Definisi Konsep	9
	2.2.1 Risiko	9
	2.2.2 Jenis Risiko	11
	2.2.3 Pengurusan Risiko	13
2.3	Amalan Pengurusan Risiko	15
	2.3.1 Pengurusan Risiko di Syarikat India	15
	2.3.2 Pengurusan Risiko untuk Operasi Sistem Pengurusan Produk	18
	2.3.3 Tinjauan Piawaian Pengurusan Risiko	20
2.4	ISO 31000	20

2.4.1	ISO 31000: Prinsip, Rangka Kerja dan Proses Pengurusan Risiko	22
2.4.2	Prinsip Pengurusan Risiko	22
2.4.3	Rangka Kerja Pengurusan Risiko	23
2.4.4	Proses Pengurusan Risiko	24
2.4.5	Tadbir Urus Pengurusan Risiko	31
2.5	Kesesuaian ISO 31000 untuk PPTC	32
2.5.1	Risiko untuk Operasi PPTC	32
2.5.2	Pengurusan Risiko untuk Operasi PPTC	34
2.6	Kesimpulan	35
BAB III	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	36
3.2	Fasa Kajian	36
3.2.1	Fasa Konseptual	38
3.2.2	Fasa Empirikal	40
3.2.3	Pengesahan Model Kajian	45
3.3	Kesimpulan	46
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	47
4.2	Analisis Daripada Pemerhatian	47
4.3	Perihal Data	47
4.4	Analisis Bahagian Indeks Kualiti Air (IKA)	49
4.4.1	Pengiraan Indeks Kualiti Air (IKA)	49
4.5	Analisis Bahagian Orang Asli	50
4.5.1	Analisis Bahagian A – Kelompok Umur	51
4.5.2	Analisis Bahagian A – Kelompok Pekerjaan	51
4.5.3	Analisis Bahagian B – Penggunaan Telefon Bimbit	52
4.5.4	Analisis Bahagian B – Maklumat Telefon Pintar	53
4.5.5	Analisis Bahagian B – Kegunaan Telefon Bimbit	54
4.5.6	Analisis Bahagian B – Cara Mendapatkan Maklumat	54
4.5.7	Analisis Bahagian B – Capaian Internet (Wi-Fi)	55

4.5.8	Analisis Bahagian B – Kualiti Liputan Rangkaian	56
4.5.9	Analisis Bahagian B – Kegunaan Internet Pada Telefon Pintar	57
4.5.10	Analisis Bahagian C – Maklumat dari PPTC	58
4.6	Analisis Temu Bual	60
4.6.1	Keperluan Pengurusan Risiko	62
4.6.2	Alat Pengurusan Risiko	64
4.6.3	Metrik Sukses Pengurusan Risiko	66
4.6.4	Halangan untuk Melaksanakan Pengurusan Risiko	67
4.6.5	Rangka Kerja Kebolehgunaan	68
4.7	Reka Bentuk Sistem	69
4.7.1	Rajah Konteks	69
4.7.2	Pembangunan Prototaip	70
4.7.3	Kebolehgunaan Sistem	72
4.8	Implementasi Sistem	73
4.8.1	Pembangunan Sistem	73
4.8.2	Fungsian Sistem	76
4.9	Analisis Penilaian Prototaip	82
4.10	Kesimpulan	85

BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	88
5.2	Ringkasan Kajian	88
5.3	Sumbangan Kajian	90
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	90
5.5	Penutup	93

RUJUKAN		94
----------------	--	----

LAMPIRAN

Lampiran A	Antara Muka Prototaip Sistem Amaran Awal Kualiti Air di Tasik Chini	98
------------	--	----

Lampiran B	Soalan Temu Bual	103
Lampiran C	Surat Kebenaran Edar Soal Selidik	106
Lampiran D	Surat Kebenaran Temu Bual Masyarakat Orang Asli	107
Lampiran E	Surat kepada Pengerusi JKKK Kampung Gulum Tasik Chini	108

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Definisi risiko	10
Jadual 3.1	Item faktor penggunaan telefon bimbit	44
Jadual 4.1	Hasil analisis prototaip bersama responden	83
Jadual 5.1	Pencapaian objektif	89

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Gambaran keseluruhan stesen pemantauan hidrologi di Tasik Chini	3
Rajah 1.2	Sensor dan konfigurasi perkakasan untuk setiap stesen hidrologi di Tasik Chini	5
Rajah 1.3	Stesen pemantauan hidrologi yang tenggelam akibat banjir di Tasik Chini	6
Rajah 2.1	Hubungan antara prinsip, rangka kerja dan proses pengurusan risiko	22
Rajah 2.2	Komponen rangka kerja untuk mengurus risiko	23
Rajah 2.3	Proses pengurusan risiko	25
Rajah 2.4	Impak pengurusan risiko, kemungkinan dan peta haba	27
Rajah 2.5	Proses analisis risiko	29
Rajah 2.6	Data struktur pengurusan risiko	35
Rajah 3.1	Fasa kajian	37
Rajah 3.2	Model kajian	40
Rajah 4.1	Indeks kualiti air Sungai Jemberau bagi tahun 2016	49
Rajah 4.2	Indeks kualiti air Sungai Chini bagi tahun 2016	50

No. Rajah		Halaman
Rajah 4.3	Kelompok umur	51
Rajah 4.4	Kelompok pekerjaan	52
Rajah 4.5	Penggunaan telefon bimbit	53
Rajah 4.6	Maklumat telefon pintar	53
Rajah 4.7	Kegunaan telefon bimbit	54
Rajah 4.8	Cara mendapatkan maklumat	55
Rajah 4.9	Capaian internet (Wi-Fi)	56
Rajah 4.10	Kualiti liputan rangkaian	57
Rajah 4.11	Kegunaan internet pada telefon pintar	58
Rajah 4.12	Maklumat dari PPTC	59
Rajah 4.13	Rangka kerja awal kebolegunaan sistem amaran awal kualiti air	69
Rajah 4.14	Rajah konteks prototaip sistem amaran awal kualiti air	70
Rajah 4.15	<i>Rapid Application Development</i>	71
Rajah 4.16	Laman web <i>Wix.com</i>	74
Rajah 4.17	Templat reka bentuk	75

No. Rajah		Halaman
Rajah 4.18	Menu reka bentuk	75
Rajah 4.19	Pangkalan data <i>Google Drive</i>	76
Rajah 4.20	<i>PhotoScape</i>	76
Rajah 4.21	Laman utama sistem amaran awal kualiti air	77
Rajah 4.22	Paparan status kualiti air	78
Rajah 4.23	Paparan bagi info maklumat	78
Rajah 4.24	Laman log masuk ke sistem pengurusan risiko PPTC	79
Rajah 4.25	Pautan ke sistem pengurusan risiko PPTC	79
Rajah 4.26	Borang daftar risiko	80
Rajah 4.27	Borang daftar risiko kualiti air	80
Rajah 4.28	Pautan <i>subscribe</i>	81
Rajah 4.29	Pautan sistem amaran awal kualiti air Tasik Chini	81
Rajah 4.30	Paparan rekod maklumat risiko	82
Rajah 4.31	Laporan risiko	82
Rajah 4.32	Rangka kerja kebolehgunaan sistem amaran awal kualiti air	85

SENARAI SINGKATAN

BOD	Permintaan Oksigen Biokimia
COD	Permintaan Oksigen Kimia
CRIM	Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Instrumentasi
DO	Oksigen Terlarut
IKA	Indeks Kualiti Air
ISO	<i>International Organization for Standardization</i>
IT	Teknologi Maklumat
KPTM	Kolej Poly-Tech MARA
NAHRIM	Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan
NWQS	<i>National Water Quality Standards</i>
NWQSM	<i>National Water Quality Standards for Malaysia</i>
PPBF	Pusat Penyelidikan Bukit Fraser
PPL	Pusat Penyelidikan Langkawi
PPTC	Pusat Penyelidikan Tasik Chini
SOP	Prosedur Pengendalian Standad
TDS	Jumlah Pepejal Terlarut
TSS	Jumlah Pepejal Terampai
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) atau Tasik Chini Research Centre telah ditubuhkan pada 2004 oleh sekumpulan penyelidik dari Fakulti Sains Hayat (sekarang Fakulti Sains dan Teknologi) yang diketuai pada masa itu oleh Prof. Dato' Sri Dr. Mushrifah Idris. PPTC telah dibentuk bagi menggalakkan penyelidikan bersepadu di dalam memelihara dan memulihara ekosistem tasik air tawar, biodiversiti flora dan fauna serta komuniti. Lembangan Tasik Chini merupakan sebuah makmal hidup yang paling sesuai, selain daripada merupakan lembangan yang terlindung, lembangan kawasan sensitif alam sekitar (Rancangan Fizikal Negara) dan kawasan tarikan pelancong. Penemuan penyelidikan jangka panjang ini telah bergerak ke arah pemulihan dan pemuliharaan, seiring dengan tuntutan pembangunan yang pesat di kawasan lembangan tasik. PPTC kini merupakan Pusat Kecemerlangan, Fakulti Sains dan Teknologi dan bertindak sebagai makmal hidup yang disokong oleh Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Instrumentasi (CRIM).

Tanah seluas 20 ekar yang terletak di tepi tasik telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi melaksanakan penyelidikan, pendidikan, kerja lapangan dan sebagai tempat penghubungan masyarakat dengan warga PPTC. Sebuah kompleks makmal air tawar ditubuhkan khusus untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman berkenaan tapak rizab biosfera di bawah program United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) untuk membangunkan tapak rizab biosfera secara lestari. PPTC telah terlibat di dalam persiapan cadangan kertas kerja tersebut dan hasilnya

Tasik Chini kini merupakan Tapak Rizab Biosfera pertama di Malaysia (Habibah et al. 2012). Terma PPTC untuk memperolehi Tapak Rizab Biosfera adalah:

- Memelihara kepelbagaian biologi;
- Mempromosi penyelidikan dan pemantauan;
- Menyediakan model pembangunan lestari dalam perkhidmatan manusia

Satu daripada aktiviti yang dijalankan oleh PPTC untuk terma pertama ialah pengekalan ekosistem tasik melalui pemulihan kualiti air. Pelbagai penyelidikan telah dijalankan untuk memulihkan kualiti air dan kualiti air yang terhasil akan dipantau. Pada masa ini, pemantauan kualiti air Tasik Chini dijalankan oleh beberapa agensi secara bersendirian sama ada secara berterusan atau *ad hoc* mengikut keperluan program pemantauan masing-masing. Dua agensi yang berterusan menjalankan pemantauan kualiti air Tasik Chini ialah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang dan PPTC.


Pemantauan kualiti air di Tasik Chini dijalankan di tujuh buah stesen pemantauan hidrologi termasuk sungai-sungai yang mengalir masuk dan keluar dari tasik berkenaan. Setiap stesen permonitoran dilengkapi dengan sensor-sensor kualiti air, hidrologi dan kaji cuaca. Kajian yang dilakukan oleh Shuhaimi-Othman, Lim dan Mushrifah (2007) menunjukkan bahawa berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA) Malaysia, air di Tasik Chini dikelaskan sebagai kelas II iaitu sesuai untuk aktiviti rekreasi dan membolehkan sentuhan badan. Terdapat 14 parameter kualiti air yang diukur dalam IKA dan terbahagi kepada pemboleh ubah fizikal dan kimia seperti suhu, pH, konduktiviti, jumlah pepejal terlarut (TDS), jumlah pepejal terampai (TSS), oksigen terlarut (DO), tuntutan oksigen biokimia (BOD), permintaan oksigen kimia (COD), kekeruhan, klorofil-a, ammonia-nitrogen, fosfat, sulfat dan nitrat.

Kualiti air adalah faktor utama dalam pengurusan sumber air tawar di Tasik Chini Rizab Biosfera di bawah program UNESCO. Stesen pemantauan ini menyumbang kepada keupayaan dalam bidang pemantauan kualiti air dan penilaian dalam Tasik Chini Rizab Biosfera. PPTC berhasrat untuk terus melaksanakan rangkaian pemantauan bagi menyediakan data pemantauan tasik untuk permukaan dan air bawah tanah. Kaedah persampelan dan kaedah analisis adalah satu pendekatan bersepadu bagi

hidrologi, kimia, biologi dan ukuran sedimen dan kaitannya dengan ekosistem tasik yang merupakan sebahagian daripada lembangan Sungai Pahang. Ini merupakan pelan jangka pendek dan jangka panjang program pemantauan yang digunakan untuk mengesan corak keadaan dalam persekitaran semula jadi dan kajian mengenai kesan pencemaran.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dua agensi yang berterusan menjalankan pemantauan kualiti air Tasik Chini ialah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang dan PPTC. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang telah menjalankan program persampelan kualiti air Tasik Chini bermula pada tahun 2005. Pemantauan kualiti air Tasik Chini dijalankan di 15 buah stesen persampelan sehinggalah tahun 2009. Bermula tahun 2010, stesen persampelan telah ditambah kepada 23 stesen dan kekerapan persampelan adalah sekali sebulan. Di Makmal Rangkaian Pemantauan PPTC pula, pemantauan kualiti air dijalankan di tujuh buah stesen persampelan dengan kekerapan persampelan dilakukan setiap 15 minit. Gambaran keseluruhan Stesen Pemantauan Hidrologi di Tasik Chini boleh dilihat di Rajah 1.1.




Rajah 1.1 Gambaran keseluruhan stesen pemantauan hidrologi di Tasik Chini

Sumber: Ebrahimpour, & Mushrifah 2008

Bacaan data kualiti air dari sensor luaran yang direkod selang 15 minit akan dihantar kepada perakam data atau *data logger*. Perakam data ialah sebuah peranti elektronik yang mencatat data dari masa ke semasa. Seterusnya, data kualiti air dihantar ke modem GSM yang terdapat di setiap Stesen Pemantauan Hidrologi di Tasik Chini. Modem GSM adalah sejenis modem khusus yang menerima kad SIM dan beroperasi melalui langganan kepada pengendali mudah alih seperti telefon bimbit. Makmal pemantauan ini dibina di atas platform sumber terbuka yang menggunakan rangkaian GSM untuk SMS dan komunikasi tanpa wayar GPRS. Fungsi program ditulis untuk bekerja dengan hampir setiap jenis teknologi GSM di pasaran tempatan dan antarabangsa termasuk SIM900 dan SM5100B. Fungsi ini menggunakan AT standard arahan untuk berkomunikasi dengan modul GSM (Habibah et al. 2012).

Data kualiti air daripada modem GSM akan dihantar ke stesen pangkalan selular atau *cellular base station*. Dalam bidang rangkaian komputer tanpa wayar, stesen pangkalan adalah penerima radio atau pemancar yang berfungsi sebagai hab rangkaian tanpa wayar tempatan dan juga merupakan gerbang antara rangkaian berwayar dan rangkaian tanpa wayar. Kebiasaanya terdiri daripada pemancar kuasa rendah dan penghala tanpa wayar seperti yang digunakan di PPTC. Seterusnya, data kualiti air akan dihantar ke modem GSM di Makmal Rangkaian Pemantauan PPTC dan akhirnya ke pelayan maklumat atau *server*. *Server* dalam talian yang terdapat di makmal PPTC ini boleh memberi maklumat dan Sistem Peringatan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) kepada komuniti di Tasik Chini Rizab Biosfera melalui Komunikasi GSM *Wireless*. Rajah 1.2 menunjukkan sensor dan konfigurasi perkakasan untuk setiap stesen hidrologi di Tasik Chini.



Rajah 1.2 Sensor dan konfigurasi perkakasan untuk setiap stesen hidrologi di Tasik Chini

Sumber: Nota Penyelia 2016

Mengikut rekod data kualiti air yang telah dikumpul di pelayan maklumat PPTC, menunjukkan bahawa data berkenaan berjaya direkod setiap 15 minit sepanjang tahun. Namun begitu, perubahan iklim kebelakangan ini menyebabkan sering berlakunya banjir di Tasik Chini. Dalam pada itu, Tasik Chini juga menerima limpahan air dari Sungai Pahang. Saban tahun banjir yang melanda Tasik Chini semakin teruk kerana air yang terkumpul dari Cameron Highlands, Temerloh dan kawasan pinggir Sungai Pahang mengalir masuk ke Tasik Chini. Oleh itu, Stesen Pemantauan Hidrologi di Tasik Chini juga tenggelam akibat banjir. Pada 9 Januari 2018, banjir mengakibatkan kerosakan pada peralatan yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3. Kerosakan ini menyebabkan data tidak direkodkan. Rajah 1.3 menunjukkan stesen pemantauan hidrologi yang tenggelam akibat banjir.



Rajah 1.3 Stesen pemantauan hidrologi yang tenggelam akibat banjir di Tasik Chini

Hal ini menyebabkan, pemantauan kualiti air di Tasik Chini tidak dapat dijalankan oleh PPTC. Risiko berlakunya bencana alam adalah semakin tinggi dan kesan pada pemantauan kualiti air adalah besar. Oleh sebab itu, PPTC memerlukan satu kaedah untuk mengurus risiko kerosakan pada sensor dan rangkaian sensor disebabkan oleh banjir. Pengurusan risiko ini membantu PPTC supaya sentiasa berada dalam keadaan siap siaga.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Daripada permasalahan kajian dan tujuan kajian yang telah dibincangkan di atas, timbul beberapa persoalan yang harus dikaji. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- Apakah faktor yang diperlukan untuk menghasil sistem pengurusan risiko bagi menangani pengurusan risiko dalam pemantauan kualiti air?
- Bagaimana pengurusan risiko ini boleh diadaptasi bagi keperluan pemantauan kualiti air?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini ialah:

- Mengumpul keperluan mengurus bencana daripada penduduk pinggir tasik;
- Mengkaji kaedah pengurusan risiko berdasarkan amalan pengurusan terbaik atau rangka kerja piawai;
- Membangun sistem pengurusan risiko untuk menangani bencana akibat daripada kerosakan sensor dan rangkaian sensor berasaskan amalan terbaik atau rangka kerja piawai

1.5 SKOP KAJIAN

Penjelasan skop kajian membincangkan kajian kes yang meliputi pengurusan risiko dan pemantauan kualiti air dijelaskan berikutnya.

- Fokus kajian hanya kepada Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) UKM. Ini kerana PPTC merupakan organisasi yang bersetuju memberi kerjasama untuk penyelidikan ini.
- Sampel kajian terdiri daripada pakar kualiti air dan kakitangan yang sedang berkhidmat di PPTC UKM, Pekan, Pahang. Mereka dipilih kerana memainkan peranan penting dalam pengurusan risiko dan pemantauan kualiti air di Tasik Chini.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian adalah seperti berikut;

- Kajian ini memberi input kepada PPTC dalam pengurusan risiko dan pemantauan kualiti air dengan cekap dan berkesan. Selain itu, hasil kajian ini boleh juga dijadikan sebagai panduan pusat penyelidikan UKM yang lain seperti Pusat Penyelidikan Bukit Fraser (PPBF) dan Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL).

1.7 ORGANISASI TESIS

Penulisan tesis ini terbahagi kepada lima bab. Bab satu iaitu Pendahuluan yang membincang tentang pengenalan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif dan skop.

Bab dua pula iaitu Kajian Literasi yang merupakan ulasan kajian terdahulu yang meliputi pengurusan risiko dan kajian kes yang mengamalkan pengurusan terbaik.

Bab tiga iaitu Metodologi berkisar tentang pendekatan dan kaedah yang diguna bagi mencapai objektif kajian.

Bab empat merupakan bab yang membincang Dapatan Kajian yang diperoleh dari sesi temu bual dan pemerhatian di PPTC dan masyarakat Orang Asli yang tinggal di sekitar Tasik Chini. Bab ini juga membincang amalan pengurusan terbaik.

Bab terakhir iaitu bab lima bertajuk Rumusan dan Cadangan. Bab ini menerangkan ringkasan dan hasil daripada akhir kajian bagi melihat sama ada menyokong objektif yang digariskan. Selain itu, kesimpulan dan beberapa cadangan juga dikemukakan.

1.8 KESIMPULAN

Kajian melihat amalan pengurusan terbaik atau rangka kerja piawai sebagai perkara yang penting dalam sesebuah organisasi. Bagaimanapun terdapat isu yang harus ditangani dalam pusat penyelidikan seperti yang dinyatakan pada 1.2 permasalahan kajian. PPTC merupakan organisasi yang dipilih sebagai kajian kes. Bagi memastikan objektif kajian tercapai bab seterusnya membincang bagaimana kajian ini dilaksana.

BAB II

KAJIAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan kajian lampau yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Pemahaman latar belakang teori dan perkembangan pengetahuan yang mendalam berkaitan tajuk kajian memudahkan penyelidik menjalankan tugas-tugasnya. Penyelidikan primer terutamanya mengenai amalan pengurusan terbaik dalam pusat penyelidikan dengan melaksana amalan ini bagi pemantauan kualiti air sebagai domain. Sumber diperoleh dengan mengkaji berbagai rujukan seperti jurnal, kertas persidangan, tesis, artikel dan sebagainya. Lawatan ke Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) UKM juga diadakan bagi membantu memperoleh data.

2.2 DEFINISI KONSEP

2.2.1 Risiko

Bahagian ini membincangkan prinsip risiko dan pengurusan risiko. Definisi terma risiko dan pengurusan risiko dengan jenis risiko dibentangkan, diikuti dengan gambaran keseluruhan piawaian pengurusan risiko. Penjelasan mengenai seni bina pengurusan risiko diterokai dengan lebih mendalam. Tambahan pula, tadbir urus pengurusan risiko termasuk tanggungjawab, jenis risiko dan toleransi, dan dokumentasi risiko diperkenalkan. Selain itu, sebagai bahagian teras kajian semasa, pengurusan risiko di pusat penyelidikan juga diperkenalkan dan dibincangkan.

Istilah risiko digunakan dalam kehidupan seharian dan setiap orang mempunyai pemahaman mereka sendiri mengenai istilah ini. Pada umumnya, istilah ini sentiasa

dikaitkan secara negatif oleh orang awam. Walau bagaimanapun, para pakar mungkin menentukan istilah berdasarkan perspektif mereka dalam konteks situasi tertentu. Perlu diperhatikan bahawa kebanyakan proses organisasi yang dikaitkan dengan risiko, yang mungkin membawa kesan negatif. Menariknya, terdapat juga risiko positif yang membawa keuntungan atau kebaikan kepada sesebuah organisasi (Shortreed 2010).

Menurut Steinberg (2011), "risiko bermaksud ketidakpastian yang mengelilingi peristiwa yang berpotensi. Ia menunjukkan kemungkinan sesuatu akan berlaku". Juga, Organisasi Antarabangsa bagi Standardisasi (ISO) telah menentukan risiko sebagai "kesan ketidakpastian terhadap objektif"; Piawaian ini bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah risiko dan pengurusan risiko (ISO 31000 2009). Oleh kerana wujudnya pandangan berasingan mengenai risiko di kawasan yang berlainan, terdapat beberapa definisi. Beberapa contoh definisi oleh organisasi berbeza dapat dilihat dalam Jadual 2.1 (Hopkin 2010).

Jadual 2.1	Definisi risiko
Pertubuhan	Definisi Risiko
ISO Panduan 73 ISO 31000	Kesan ketidakpastian mengenai objektif. Perhatikan bahawa kesan mungkin positif, negatif, atau sisihan dari yang dijangkakan. Juga, risiko sering diterangkan oleh peristiwa, perubahan keadaan atau akibatnya.
Institut Pengurusan Risiko (IRM)	Risiko adalah gabungan kebarangkalian kejadian dan akibatnya. Konsekuensi boleh berkisar dari positif ke negatif.
"Buku Jingga" dari Perbendaharaan HM	Ketidakpastian hasil, dalam pelbagai pendedahan, timbul daripada gabungan kesan dan kebarangkalian peristiwa yang berpotensi.
Institut Juruaudit Dalaman	Ketidakpastian sesuatu kejadian yang boleh memberi impak ke atas pencapaian matlamat. Risiko diukur dari segi akibat dan kemungkinan.
Definisi Alternatif oleh penyelidik	Peristiwa dengan keupayaan untuk memberi kesan (menghalang, meningkatkan atau menyebabkan keraguan tentang) misi, strategi, projek, operasi rutin, objektif, proses teras, ketergantungan utama dan / atau penyampaian jangkaan pihak berkepentingan.

Sumber: Hopkin 2010

Begitu juga, penerangan umum terhadap risiko adalah, ia adalah penyatuan prospek kejadian dan akibatnya. Mengikut pandangan ini risiko boleh digambarkan

sebagai produk kebarangkalian dan akibat, dengan mengambil kira bahawa, risiko meningkat dengan kebarangkalian yang lebih tinggi dan akibat yang lebih tinggi.

2.2.2 Jenis Risiko

Penilaian risiko bermula dengan memulakan bahasa risiko biasa. Menggunakan takrif umum risiko dan mengklasifikasikan pelbagai jenis risiko untuk memudahkan pihak berkuasa syarikat dalam mengkonseptualisasikan dan mendiagnosis risiko yang penting untuk proses perniagaan mereka. Risiko boleh dikelaskan seperti berikut (TAMU 2009; Fraser & Simkins 2010; Huber 2011):

